

# Dialog Langkawi 2007 fokus pembangunan modal insan

um - 5/5/2007  
LANGKAWI 4 Mei - Dialog Antara-bangsa Langkawi (LID) 2007 pada 6 hingga 8 Ogos ini akan menumpukan perbincangan kepada agenda pembangunan modal insan, membina keupayaan dan membasmi kemiskinan di kalangan negara peserta.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, dialog siri kelapan itu yang akan disertai oleh 500 peserta dari 45 buah negara dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pemandu LID 2007 berkata, Perdana Menteri juga akan mempengerusikan forum yang bakal dihadiri oleh ketua-ketua negara dan kerajaan yang dijemput ke persidangan itu.

"Perbincangan kali ini untuk menentukan usaha bagi menghapuskan kemiskinan yang wujud di negara membangun.

"Kita harap dialog kali ini mempunyai satu pernyataan pelan tindakan yang mampu membawa kita lebih maju ke hadapan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pembentukan Jawatankuasa Pemandu LID 2007 di sini, hari ini.

LID 2007 turut mengundang pemimpin dari Amerika, Caribbean dan Eropah selain fellow Perkongsian Komanwel mengenai Pengurusan Teknologi (CPTM).

Syed Hamid menjelaskan, tumpuan diberikan kepada pembangunan modal insan bertujuan mengajak negara membangun melihat perkara itu sebagai ejen utama bagi membangunkan negara masing-masing.